

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
[AMPANG]**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)**

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [ AMPANG ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan mengintegrasikan ekonomi penjagaan dalam pembangunan nasional dengan memperkenalkan Dasar Ekonomi Penjagaan Negara memandangkan potensinya membina satu pasaran bernilai sekitar USD25.5 bilion yang bukan sahaja mengiktiraf sumbangan wanita melalui tugasan penjagaan dan domestik tidak berbayar malah mencipta peluang pekerjaan baharu.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. YAB Perdana Menteri semasa melancarkan Kerangka Ekonomi MADANI pada 27 Julai 2023 telah menetapkan dasar yang jelas berkaitan Ekonomi Penjagaan apabila menetapkan halatuju untuk mengembangkan kerja-kerja penjagaan dan penyertaan wanita dalam tenaga buruh untuk mencapai 60 peratus menjelang tahun 2033.
2. Justeru, kesinambungan daripada ketetapan dasar tersebut, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil inisiatif yang tuntas mengadakan makmal untuk membincangkan Kerangka Strategik Industri Penjagaan di Malaysia 2026-2030 bermula pada 13 Mei 2024 dan berakhir pada 21 Jun 2024.
3. Pembangunan Kerangka Strategik Industri Penjagaan di Malaysia 2026-2030 ini adalah kerjasama semua pihak merentasi Kementerian, ahli akademik, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, pemain industri dan juga individu yang mempunyai kemahiran berkaitan industri penjagaan menerusi pendekatan *whole of government and whole of nation*. Pembangunan Kerangka Strategik Industri Penjagaan di Malaysia 2026-2030 merupakan salah satu daripada usaha yang diambil oleh KPWKM untuk mengintegrasikan ekonomi penjagaan dalam pembangunan nasional.
4. Industri Penjagaan yang sedang dibangunkan di negara kita bukan sahaja menjurus kepada usaha meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh tetapi turut melengkapi persiapan Malaysia yang bakal menjadi negara tua pada tahun 2030, OKU mempunyai akses kepada penjagaan yang diperlukan, kanak-kanak mendapat jagaan dan asuhan yang terbaik serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat di negara ini secara holistik. Pada masa yang sama Industri Penjagaan ini juga menzahirkan kesepakatan yang telah dipersetujui bersama dalam

menjayakan ASEAN Declaration on Strengthening the Care Economy and Fostering Resilience Towards the Post 2025 ASEAN Community.

5. Sebagai langkah pemula kepada pemerksaan Industri Penjagaan ini, KPWKM akan memberikan tumpuan ke arah melahirkan penjaga berkemahiran atau *professional carer* (dengan izin) melalui program latihan dan pembangunan kapasiti oleh Institut Sosial Malaysia (ISM). ISM merupakan institusi yang bertanggungjawab dalam melaksanakan latihan kepada para penjaga menerusi piawaian modul latihan yang standard dan komprehensif.

6. KPWKM berkeyakinan penuh bahawa melalui kerjasama dengan semua pihak dalam melaksanakan perancangan yang terkandung dalam Kerangka Strategik Industri Penjagaan di Malaysia 2026-2030, akan membuka satu lagi ruang dan peluang ekonomi dan pekerjaan baharu kepada rakyat dan seterusnya menyumbang kepada pendapatan dan pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN : 09**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN  
WAN CHIK [BALIK PULAU]**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [ BALIK PULAU ]  
minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT menyatakan :**

- (a) berapa jumlah pusat asuhan kanak-kanak yang diwujudkan di premis dan jabatan Kerajaan bagi ibu bapa yang bekerja serta usaha untuk memperkasakan program tersebut; dan
- (b) apakah usaha Kementerian dalam menangani kes penderaan bayi dan kecuaian di pusat tersebut supaya sentiasa dipantau dan tindakan wajar dapat diambil.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) yang diberi tanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308] sentiasa mengambil insiatif berterusan dalam usaha mengurangkan risiko berlakunya kes melibatkan kecuaian, pengabaian dan penderaan kanak-kanak di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA).
2. Sehingga Ogos 2024, terdapat 216 buah TASKA Tempat Kerja yang diwujudkan di premis jabatan/ agensi Kerajaan. JKM telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan penubuhan TASKA di Tempat Kerja seperti:
  - i. melaksanakan program advokasi bagi meningkatkan kesedaran pelbagai pihak berkaitan TASKA. Antaranya seperti Kempen "*Jom Daftar TASKA*", khidmat nasihat pendaftaran dan membuka kaunter maklumat pameran dalam program-program yang dianjurkan sama ada oleh agensi kerajaan mahupun swasta; dan
  - ii. mengaktifkan “one stop centre” di setiap negeri bagi menyelaraskan keperluan pengusaha TASKA berurusan dengan pelbagai agensi teknikal seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM), pihak Kementerian Kesihatan Malaysia serta Pihak Berkuasa Tempatan.
3. KPWKM menggalakkan penubuhan TASKA bagi memenuhi kehendak masyarakat dan sentiasa bersedia untuk membantu memberi konsultasi berkaitan penubuhan TASKA kepada semua pihak. TASKA yang berdaftar bukan sahaja boleh memastikan kualiti dan standard asas perkhidmatan yang disediakan oleh premis dan pengasuh tetapi juga

dapat mengurangkan risiko berlakunya kecuaian dan penderaan terhadap kanak-kanak di TASKA.

4. Dalam usaha untuk mencegah serta mengurangkan risiko daripada berlakunya kejadian yang tidak diingini di TASKA seperti penderaan, pengabaian atau kecuaian, KPWKM dan JKM telah melaksanakan pelbagai inisiatif. Antaranya termasuklah:

- (i) Mengeluarkan Garis Panduan Keselamatan Kanak-Kanak Di Taman Asuhan Kanak-Kanak Berdaftar yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024;
- (ii) Mengarahkan Pegawai Diberi Kuasa untuk menjalankan pemeriksaan berkala dan mengejut ke TASKA bagi memastikan semua standard minimum yang ditetapkan oleh Akta dan Peraturan dipatuhi; dan
- (iii) Menyediakan perkhidmatan Talian Kasih 15999 yang membolehkan sebarang aduan penderaan dilaporkan pada bila-bila masa.

4. Kementerian juga mulai tahun 2023, telah melancarkan ‘Program Advokasi Kanak-kanak’ dalam usaha memberi kesedaran dan pengetahuan kepada masyarakat umum, termasuk kanak-kanak, pelajar sekolah, ibu bapa dan guru-guru terhadap hak kanak-kanak serta layanan yang layak dan sewajarnya untuk diterima mereka.

5. Usaha untuk mengurangkan risiko dan bilangan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak serta isu berkaitan keselamatan kanak-kanak secara amnya, adalah harus dipikul bersama oleh semua pihak. Ini termasuklah pihak Kerajaan, komuniti serta individu. Sifat ambil tahu, ambil cakna dan peka dengan keadaan dan keperluan kanak-kanak di sekeliling perlu disemai di kalangan masyarakat kita agar bukan sahaja dapat memastikan kemaslahatan yang baik untuk kanak-kanak, malah turut boleh mengeratkan perpaduan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN : 16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN  
MOKHTAR [KEMAMAN]**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [ KEMAMAN ]**  
minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN  
MASYARAKAT** menyatakan perancangan Kerajaan untuk memperkasa  
peranan negeri dalam perkara-perkara yang termaktub dalam Senarai  
Bersama dalam hal-hal yang berkait dengan kebijakan masyarakat

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan kumpulan sasar dengan penyampaian perkhidmatan merentasi Kerajaan Persekutuan dan Negeri .
2. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan bantuan dan sokongan kewangan kepada golongan berkeperluan ke arah pencegahan, pemulihan, perlindungan, pembangunan dan pengintegrasian yang dilaksanakan selaras dengan Teras Perkhidmatan JKM.
3. Pelaksanaan perkhidmatan kebajikan terkandung dalam Senarai Bersama (***Concurrent List***) antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, yang termaktub di bawah peruntukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia dalam Senarai 3 – Jadual Kesembilan Senarai Perundangan.
4. Kerajaan Pusat melalui agensi atau jabatan di setiap negeri sentiasa bekerjasama rapat dalam usaha kesejahteraan masyarakat di seluruh negara. Dalam konteks perkhidmatan kebajikan, KPWKM sentiasa menghargai peranan yang dimainkan oleh pihak Kerajaan Negeri yang saling melengkapi dengan usaha yang yang dilaksanakan oleh KPWKM. Namun, tidak dapat dinafikan cabaran dihadapi dari semasa ke semasa dan diakui sebarang penambahbaikan boleh melonjakkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan kebajikan.
5. Dalam hal ini, antara penambahbaikan bersama yang disyorkan untuk dilaksanakan pihak Kerajaan Negeri adalah agar kadar bantuan negeri disetarakan atau dinaikkan ke satu ambang yang tidak jauh bezanya berbanding kadar bantuan Persekutuan atau kadar di negeri-negeri lain yang lebih tinggi. Sebagai contoh, Kadar Bantuan Am

Persekutuan pada masa ini adalah minimum RM100 sebulan dan maksimum RM350 sekeluarga.

6. Selain itu, antara syor lain yang boleh dipertimbangkan adalah untuk mengelakkan kedua-dua pihak daripada menyalurkan bantuan yang sama. Sebagai contoh, bagi bantuan berkaitan bencana, kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan bantuan pemulihan kepada mangsa bencana untuk pembelian barang keperluan asas seperti makanan, selimut, tilam, dan sebagainya. Oleh yang demikian, adalah amat membantu sekiranya peruntukan bantuan kebajikan oleh pihak Kerajaan Negeri boleh disalurkan kepada bantuan yang lain seperti seperti membaiki dan membina semula rumah kerana kerosakan disebabkan bencana seperti kebakaran, banjir dan sebagainya.
7. Atas semangat “Kebajikan Tanggungjawab Bersama”, KPWKM dan agensi-agensinya akan meneruskan usaha dan kerjasama jitu dengan semua Kerajaan Negeri demi manfaat rakyat terutamanya kumpulan sasar Kementerian.

Sekian, terima kasih.